

[THE DA'WAH APPROACH IN HILAL ASYRAF'S NOVEL *NIRNAMA* BASED ON PERSUASIVE DA'WAH METHODS]

PENDEKATAN DAKWAH DALAM NOVEL 'NIRNAMA' KARYA HILAL ASYRAF BERDASARKAN METODE PEMBUJUKAN DAKWAH

Nur Amalin Abd Aziz
aalynnr@gmail.com
Universiti Kebangsaan Malaysia

Firuz-Akhtar Lubis
firuz@ukm.edu.my (Corresponding Author)
Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Dalam dunia sastera moden, cerita rakyat sering diberi nafas baharu bagi menyampaikan mesej yang lebih segar dan mendalam. Novel 'Nirnama' karya Hilal Asyraf merupakan satu usaha kreatif yang bukan sahaja mengangkat kembali tokoh-tokoh cerita rakyat seperti Mat Jenin, Si Tanggang, Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang, malah menggabungkan unsur dakwah Islam dalam naratif mereka. Kajian ini bertujuan menganalisis pendekatan dakwah yang digunakan oleh watak utama, Nirnama, dalam mendepani polemik dalaman bagi watak Nadim, Puteri Sejinjang dan Puteri Santubong, serta menilai kesan pendekatan dakwah terhadap proses keinsafan dan taubat mereka. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah Kajian Kes dan Analisis Teks. Metodologi berpanduan Model Pembujukan Dakwah yang digariskan oleh Nor Raudah Siren (2015) melalui pendekatan dakwah dalam Surah al-Naḥl ayat 125, iaitu al-ḥikmah, al-mau'izah al-ḥasanah dan al-mujādalāh. Hasil kajian menunjukkan bahawa pendekatan dakwah Nirnama berupaya menembusi konflik batin watak-watak mad'u, mendorong mereka ke arah refleksi diri dan akhirnya memilih jalan taubat. Kajian ini membuktikan bahawa dakwah dalam karya sastera bukan sekadar hiasan, tetapi mampu membina nilai spiritual dan moral dalam jiwa pembaca, khususnya melalui adaptasi kisah-kisah rakyat yang dekat dengan budaya tempatan.

Kata Kunci: *Dakwah, Novel Nirnama, Hilal Asyraf, Cerita Rakyat, Polemik.*

Abstract

In the realm of modern literature, folktales are often revitalized to convey fresher and more profound messages. Nirnama, a novel by Hilal Asyraf, represents a creative effort that not only reintroduces well-known folkloric figures such as Mat Jenin, Si Tanggang, Puteri Santubong, and Puteri Sejinjang but also integrates Islamic da'wah elements into their narratives. This study aims to analyze the da'wah approaches employed by the protagonist, Nirnama, in addressing the internal conflicts faced by the characters Nadim, Puteri Sejinjang, and Puteri Santubong, as well as to evaluate the impact of these approaches on their processes of repentance and spiritual awakening. The study adopts a qualitative approach through Case Study and Textual Analysis methods. The methodology is guided by Nor Raudah Siren's (2015) Model of Da'wah Persuasion, derived from Surah al-Naḥl (16:125), encompassing the approaches of al-ḥikmah (wisdom), al-mau'izah al-ḥasanah (good counsel), and al-mujādalāh (gentle debate). The findings reveal that Nirnama's da'wah approach successfully penetrates the inner conflicts of the mad'u characters, leading them towards self-reflection and ultimately repentance. This study demonstrates that da'wah in literary works is not merely ornamental but has the potential to cultivate spiritual and moral values within readers, particularly through the adaptation of folktales that resonate deeply with local culture.

Keywords: *Da'wah, Nirnama Novel, Hilal Asyraf, Folklore, Conflict.*

Article Received:
10 November 2025

Article Reviewed:
30 November 2025

Article Published:
5 December 2025

PENGENALAN

Pada era globalisasi ini, masyarakat kita terutamanya generasi muda tidak lagi didedahkan dengan cerita-cerita dongeng, hikayat dan cerita rakyat tradisional. Menurut Mohd Fahmi et al. (2015), cerita rakyat adalah sebahagian daripada sastra rakyat yang diperturunkan daripada generasi ke generasi melalui tradisi lisan. Adapun di antara mereka yang tidak gemar untuk mengetahuinya dengan lebih mendalam dan menganggapnya sebagai mitos serta sesuatu yang ketinggalan zaman, tanpa mengambil kira nilai-nilai budaya dan moral yang terkandung di dalamnya. Bagaimanapun, dengan kesedaran terhadap pentingnya memelihara warisan budaya, terdapat usaha-usaha untuk menghidupkan kembali cerita rakyat melalui adaptasi dalam media moden.

Kajian ini bertujuan untuk menyelidik dan menganalisis pendekatan dakwah dalam naratif polemik cerita rakyat yang terdapat dalam novel 'Nirnama' karya Hilal Asyraf, serta peranan dakwah watak utama dalam membentuk keinsafan watak-watak sampingan yang terlibat dalam polemik cerita rakyat. Dalam konteks ini, watak-watak seperti Nadim, Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang, digambarkan mengalami proses perubahan dan keinsafan melalui dakwah yang dibawa oleh watak utama iaitu Nirnama. Menurut St. Aisyah BM (2014) dalam artikel Polemik Dalam Cerita Rakyat Sebagai Medium Pendidikan Moral Kepada Kanak-Kanak oleh Muhammad Nur Al-Hakim et al. (2021), polemik atau konflik adalah ketidaksefahaman dan perselisihan yang berlaku di antara dua dan beberapa pihak mengenai sesuatu perkara merangkumi cara pemikiran, pegangan dan gagasan.

Walaupun terdapat kajian terdahulu yang membincangkan tema, nilai moral, dan polemik cerita rakyat, masih terdapat ruang yang belum diterokai mengenai bagaimana metode dakwah dijalin dalam naratif polemik cerita rakyat, khususnya dalam karya Hilal Asyraf. Sehubungan itu, sorotan literatur menunjukkan terdapat beberapa penelitian relevan. Antaranya, Kamariah Kamarudin (2016) dalam kajiannya Tazkiyah Al-Nafs dalam Novel Pasir Lintang mendapati bahawa konsep tazkiyyah al-Nafs dan nilai-nilai murni dapat ditampilkan oleh pengarang dalam membentuk pembangunan jiwa menerusi watak dan perwatakan dalam karya. Malah Erlina Widya (2022) dalam artikelnya Analisis Nilai Moral Pada Tokoh Utama Wanita dalam Novel Cahaya Cinta Pesantren Karya Ira Madan mengungkapkan nilai moral pada tokoh utama yang terkandung di dalam Novel Cahaya Cinta Pesantren Karya Ira Madan iaitu nilai moral antara manusia dengan dirinya sendiri, antara manusia dengan manusia serta manusia dengan tuhan.

Muhammad Nur Al-Hakim et al. (2021) dalam kajiannya Polemik Dalam Cerita Rakyat Sebagai Medium Pendidikan Moral Kepada Kanak-Kanak membincangkan polemik yang terdapat dalam beberapa cerita rakyat terpilih kepada pembentukan moral kanak-kanak. Akhir sekali, Representasi Nilai Pendidikan Akhlak Tasawuf dalam Novel Kembara Rindu Karya Habiburrahman El Shirazy oleh Fatmawati (2022) mengungkapkan nilai pendidikan akhlak tasawuf dalam Novel Kembara Rindu dan dijadikan sebagai medium pembelajaran. Firuz Akhtar & Nurul Farhana (2021) Peranan Akidah Dan Penghayatan Ibadah Dalam Catatan Kembara 'pelukis Jalanan' Dan 'arkitek Jalanan' Karya Teme Abdullah Berdasarkan Konsep Pembangunan Insan mengkaji konsep pembangunan insan yang berkait dengan Prinsip Pengkarya Mengistimakan Diri. Oleh itu, kajian ini penting untuk mengisi kekosongan tersebut dengan menganalisis bagaimana metode dakwah diterapkan dalam polemik cerita rakyat dalam novel Nirnama karya Hilal Asyraf, serta melihat peranannya dalam membentuk keinsafan watak.

METODOLOGI KAJIAN

Metode yang digunakan dalam penelitian ini adalah kualitatif. Metode penelitian berkualitatif ini menggunakan dua kaedah iaitu Kajian Kes dan Analisis Teks. Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kes untuk meneliti latar belakang sosial, budaya, dan sejarah yang mempengaruhi penulisan Hilal Asyraf dalam novel ini. Fokus akan diberikan kepada bagaimana cerita rakyat diolah dan disesuaikan dengan metode dakwah dalam polemik cerita rakyat dalam novel yang membawa keinsafan kepada mad'u. Kaedah analisis teks pula difokuskan kepada polemik dalam cerita rakyat yang ditampilkan dalam novel berdasarkan dialog interaksi antara watak utama dan watak-watak sampingan, terutama dari sudut bagaimana mereka berinteraksi dengan mesej dakwah. Analisis ini juga meneliti perkembangan watak utama sebagai pendakwah serta perubahan yang berlaku kepada watak-watak yang mengalami kesedaran dan bertaubat. Kajian ini melibatkan pemerhatian terhadap penggunaan elemen cerita rakyat yang sarat dengan unsur moral, kesalahan, serta pembetulan, dan kaitannya dengan metode dakwah yang digariskan oleh Nor Raudah Siren (2015) dalam Retorik Penulisan Dakwah. Oleh itu, kajian ini bukan sahaja menilai bentuk penyampaian dakwah, tetapi juga mengungkap kesan transformasi terhadap mad'u yang ditampilkan melalui kisah-kisah rakyat.

LATAR BELAKANG PENULIS

Hilal Asyraf merupakan penulis muda ternama yang aktif menulis karya berunsur Islam sejak April 2009. Beliau telah menghasilkan pelbagai jenis karya seperti novel, buku motivasi, cerpen dan puisi. Dengan karya sulungnya, Novel Vt (Volleyball Team) yang kini telah ditulis semula sebagai Trilogi Gelombang Baru yang menceritakan tentang sukan sebagai ibadah. Semenjak 2009, beliau aktif mengarang karya-karya fiksiyen dan non-fiksiyen. Hilal Asyraf telah mengarang lebih 50 buah judul karya. Penghujung 2016, beliau juga menubuhkan perniagaan penerbitan sendiri Hilal Asyraf Resources dan membuat keputusan untuk memberikan fokus sepenuhnya kepada penghasilan karya fiksiyen. (Hilal Asyraf 2020).



RAJAH 1 Penulis novel Hilal Asyraf

Muhammad Hilal Asyraf bin Abd Razak, lahir pada 16 Januari 1989 di Johor Bahru, Johor. Antara karyanya yang menonjol ialah *VT* dan *Langitllahi: Tuhan Tidak Lupakan Kita*, di samping judul-judul lain yang diterbitkan oleh Galeri Ilmu Sdn. Bhd. Di luar lapangan penulisan kreatif, Hilal turut berperanan sebagai kolumnis untuk majalah-majalah seperti *Anis*, *HALUAN*, *Remaja*, dan *JOM!*, di samping aktif menyampaikan ceramah, mengendalikan bengkel motivasi, serta terlibat dalam pelbagai program pengisian kerohanian. Dari segi akademik, beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Usuluddin daripada Universiti Yarmouk, Irbid, Jordan. Beliau mendirikan rumah tangga bersama Tengku Masyitah binti Tengku Paris pada 7 Julai 2012 (Haziq Absyir 2014).

TEORI METODE PEMBUJUKAN DAKWAH

Naratif polemik bagi watak-watak yang ada di dalam novel ini amat ditentang keras oleh watak utama iaitu Nirnama yang juga diberi gelaran sebagai 'Pendekar Tanpa Nama'. Metode dakwah yang disampaikan akan dianalisis melalui kisah polemik watak-watak tersebut dengan menggunakan Metode Pembujukan Dakwah yang digariskan oleh Nor Raudah Siren dalam bukunya *Retorik Penulisan Dakwah* seperti berikut:

JADUAL 1 Penggunaan Perkataan bagi Metode Pembujukan Dakwah

Metode Pembujukan Dakwah	Al-Hikmah	Al-Mauizah Al-Hasanah	Al-Mujadalah
Penggunaan Perkataan	Lembut: "ayuhai" dan "dengarlah" atau "dengarkan". Keras: "jangan", "tidak" dan "bukan".	Halus: "umpama", "laksana", "macam", "ibarat" dan "seperti". Terus-terang: "diceritakan", "jikalau", "kisah", "khabarkan" dan "demikian".	Dalil Aqli: rasional yang melibatkan akal fikiran seperti sains. Dalil Naqli: melibatkan sumber fakta daripada al-Quran dan sunnah.

Naratif polemik mereka menjadi medan dakwah bagi Nirnama, yang tampil bukan hanya sebagai pahlawan fizikal, tetapi juga pahlawan akidah dan akhlak. Setiap pertembungan Nirnama dengan mereka membuka ruang perdebatan, teguran, dan peringatan sama ada secara lembut atau tegas dengan tujuan membawa mereka kembali kepada asas keimanan dan kebenaran. Justeru, analisis dalam bahagian berikut akan meneliti bagaimana Nirnama menggunakan metode dakwah seperti al-Hikmah, al-Mau'izah al-Hasanah, dan al-Mujāḍalah oleh Nor Raudah Siren (2015) dalam mendepani konflik-konflik ini, serta bagaimana pendekatan tersebut mempengaruhi transformasi watak-watak berkenaan ke arah kehidupan yang lebih bermakna dan berpaksikan ajaran Islam. Metode dakwah yang digunakan dalam Metode Pembujukan Dakwah juga berasaskan kepada pendekatan yang digariskan secara menyeluruh dalam al-Qur'an, khususnya melalui Surah al-Naḥl ayat 125. Firman Allah SWT:

"Serulah (wahai Muhammad) ke jalan Tuhanmu dengan hikmah, dan nasihat yang baik, serta berdebatlah dengan mereka dengan cara yang terbaik."

(Surah al-Naḥl 16:125)

Berdasarkan ayat ini, terdapat tiga pendekatan utama yang ditetapkan oleh Allah SWT dalam menyampaikan dakwah, iaitu al-ḥikmah (kebijaksanaan), al-mau'izah al-ḥasanah (nasihat yang baik), dan al-mujāḍalah (berdebat secara berhemah). Ketiga-tiga pendekatan ini menjadi asas kepada pembentukan dakwah Islam yang bersifat menyeluruh, fleksibel dan relevan

merentasi zaman. Menurut Mohd Yuszaidy et al. (2024) ayat ini menjadi asas utama kepada strategi dakwah Nabi Muhammad SAW yang kemudiannya diteladani oleh para sahabat dan pendakwah sepanjang zaman. Metode ini bukan sahaja menekankan kandungan mesej yang disampaikan, tetapi juga mengiktiraf kepentingan strategi komunikasi yang sesuai dengan latar belakang mad'u.

ANALISIS KAJIAN

Dunia cerita rakyat yang dibina oleh Hilal Asyraf bukan sekadar bersandarkan kepada pertarungan fizikal dan konflik politik, malah sarat dengan krisis identiti, konflik dalaman, dan polemik nilai dalam diri watak-watak sampingannya. Watak-watak sampingan seperti Nadim, Puteri Sejinjang dan Puteri Santubong mewakili pelbagai lapisan masyarakat yang dilanda krisis keimanan, ketamakan, kejahilan, dan kecuaiian terhadap tanggungjawab. Masing-masing terperangkap dalam dilema antara nafsu dan akal, antara tradisi khurafat dan ajaran Islam yang sebenar. Watak-watak ini tidak sekadar muncul untuk menyokong perjalanan Nirnama, malah mereka mewakili persoalan-persoalan besar dalam kehidupan manusia yang sebenar. Bahagian ini akan menganalisis dua pendekatakan dakwah yang disampaikan oleh watak utama dalam Novel 'Nirnama' karya Hilal Asyraf iaitu Dakwah dalam Pembentukan Iman dan Ibadah dan Dakwah Menangani Nafsu dan Permusuhan.

Dakwah dalam Pembentukan Iman dan Ibadah

Pendekatan dakwah yang berkesan dalam membentuk iman dan ibadah memerlukan kaedah yang bersifat mendidik dan menyentuh hati, bukan sekadar menyampaikan hukum secara literal. Pembentukan iman dan ibadah merupakan asas utama dakwah Islam kerana ia menjadi teras kepada pembinaan akhlak dan kekuatan spiritual seseorang mukmin (Nor Dalilah & Raihanah Zahari 2022). Dalam karya sastera, pendekatan ini bukan sahaja disampaikan melalui mesej keagamaan secara langsung, tetapi juga melalui pengolahan watak, suasana dan dialog yang menghidupkan nilai akidah dan ibadah dalam jalan cerita. Dalam novel Nirnama, watak Nirnama berperanan sebagai pendakwah yang mempunyai ketegasan dalam kebijaksanaan. Beliau mengubah pendekatan dakwah mengikut situasi dan tahap penerimaan setiap watak, khususnya dalam mendidik mereka agar memahami kepentingan hubungan dengan Allah SWT.

Novel ini memaparkan proses pembentukan iman dan ibadah melalui watak utama yang bukan sahaja menyampaikan kebenaran, tetapi juga membentuk kefahaman dan keinsafan mendalam kepada watak-watak lain. Nirnama bukan sekadar membawa misi membebaskan rakyat Serawa daripada kezaliman kerajaan, malah mengangkat aspek kerohanian sebagai teras perubahan sosial dan peribadi. Usaha dakwahnya menjurus kepada pembersihan jiwa, pembentukan identiti mukmin, serta kesedaran akan tanggungjawab terhadap Allah SWT. Pembentukan ini dilakukan secara berperingkat, memastikan mesej dakwah diterima secara halus tetapi berkesan, selari dengan prinsip bahawa iman dan ibadah saling menguatkan antara satu sama lain. Pendekatan dakwah Nirnama terhadap Nadim dijadikan fokus kerana ia memperlihatkan secara jelas peranan dakwah dalam memupuk kesedaran beragama. Nadim, seorang budak cerdik yang digelar Sang Kancil, memiliki seribu persoalan di kepalanya, watak yang kritis dan penuh rasa ingin tahu.

Petikan 1:

Waduh, siapa sangka engkau ini orang besar juga rupanya. Tidak hairanlah engkau banyak saktinya!" Nadim mencekak pinggang memandang Nirnama.

Nirnama hanya tersenyum kecil. "Engkau belum Solat Fajar. Ayuh aku ajar."

Itu yang engkau ingat? Banyak hal kita patut sembangkan. Aku ada banyak persoalan. Lagipun bukankah waktu sembahyang sudah tamat?" Nadim tertawa.

Utamakanlah seruan Allah. Itu keutamaan orang beriman. Jika sudah tahu terlewat, janganlah pula tidak dibuat langsung.

(Hilal Asyraf 2021:57)

Dalam petikan ini, Nadim memandang Nirnama sebagai sosok luar biasa. Baginya, Nirnama bukan sekadar manusia biasa, tetapi seorang yang memiliki kesaktian dan kebolehan luar jangka. Pandangan ini terbentuk kerana sebelum itu Nadim melihat sendiri bagaimana Nirnama ditegur oleh Jebat, laksamana kerajaan Semutar Putih, dengan cara yang menunjukkan Nirnama dihormati oleh orang istana. Ditambah pula dengan kemahiran Nirnama melawan musuh yang begitu cekap, persepsi Nadim semakin kuat bahawa Nirnama adalah tokoh hebat yang mempunyai kedudukan istimewa (orang besar) dan penuh kesaktian. Keadaan ini membentuk rasa kagumnya terhadap Nirnama, sekaligus membuka ruang dalam hati Nadim untuk menerima kata-kata dan nasihat yang bakal disampaikan oleh Nirnama. Namun, Nirnama tidak melayan pujian tersebut dengan rasa bangga, sebaliknya menyampaikan satu teguran halus terhadap kealpaan Nadim dalam menunaikan solat. Ungkapan ringkas Nirnama itu bukan sekadar ajakan biasa, tetapi satu bentuk kesedaran yang disampaikan secara penuh hikmah.

Tindakan Nirnama mencerminkan metode al-hikmah dalam dakwah, iaitu memilih masa dan suasana yang sesuai untuk menegur tanpa menyinggung. Ketika Nadim terbuka dan kagum, Nirnama menyelitkan unsur nasihat yang membimbing. Penggunaan 'Ayuh' dalam seruan kepada solat disampaikan secara positif dan membina, menunjukkan dakwah itu bersifat mendidik, bukan menghakimi. Ajakan Nirnama itu membuat Nadim membalas lagi berkenaan solat seakan ia ingin memperlekehkan Nirnama yang mengabaikan rasa bangga dan kagumnya. Apabila Nadim meremehkan waktu solat yang telah berlalu, Nirnama menjawab dengan penegasan yang tetap lembut. Beliau tidak terus menyalahkan Nadim, sebaliknya memperingatkan kepentingan dan keutamaan seruan Allah SWT dalam hidup seorang mukmin, walaupun masa solat telah sedikit terlewat. Ini adalah contoh al-hikmah dalam memberi nasihat yang tidak mengaibkan. Nirnama menggunakan kata-kata seperti 'utamakanlah' dan 'janganlah' yang menanam nilai taqwa dalam hati pendengar, dengan menyeru agar tidak terus meninggalkan ibadah walaupun telah terlepas waktu. Pendekatan ini mendidik secara perlahan-lahan, tetapi menyentuh asas penting dalam pembentukan iman dan ibadah.

Nirnama berdakwah dengan cara yang tidak memaksa, sebaliknya membimbing dengan penuh hikmah, sesuai dengan metode al-hikmah dalam Metode Pembujukan Dakwah oleh Nor Raudah Siren (2015). Dalam menghadapi watak seperti ini, Nirnama memilih untuk menjawab dengan nada rasional, tenang, dan penuh ketelusan tanpa mematahkan semangat ingin tahu Nadim. Beliau tidak terus menghukum kejahilan, tetapi memanfaatkan setiap pertanyaan sebagai peluang dakwah. Maka, kaedah dakwah yang digunakan terhadapnya menuntut hikmah dan kefahaman terhadap tahap intelektualnya. Ini sesuai untuk membina iman secara rasional dan berasaskan akal yang terbuka. Walaupun Nadim menangguk solat dengan alasan waktu telah tamat, Nirnama memberikan pandangan yang membetulkan persepsi tersebut tanpa memperkecilkan atau menghukum. Kaedah ini penting dalam membentuk iman kerana ia membantu seseorang menerima teguran dengan hati terbuka, seterusnya mendorong perubahan

perilaku ke arah yang lebih baik. Nirnama bukan sahaja menyampaikan hukum, tetapi juga menghidupkan kesedaran bahawa ibadah adalah keutamaan mutlak bagi seorang mukmin, selaras dengan pembinaan keperibadian Islam.

Firman Allah SWT:

Maka kalau mereka beriman sebagaimana kamu beriman (dengan Kitab-kitab Allah dan Rasul-rasulnya), maka sesungguhnya mereka telah beroleh petunjuk; dan jika mereka berpaling (serta tidak mahu beriman dengan sebenar-benar iman) maka sesungguhnya mereka akan tinggal berkekal dalam perbalahan dan permusuhan (dengan kamu); oleh itu (janganlah engkau khuatir wahai Muhammad) kerana Allah akan memelihara kamu (dan umatmu) dari kejahatan mereka; dan Dia lah jua Yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.

(Surah al-Baqarah, 2:137)

Ayat ini menunjukkan bahawa kekuatan sebenar dalam dakwah bukanlah terletak pada jumlah pengikut atau kekuasaan fizikal, tetapi pada keikhlasan dan keteguhan iman kepada Allah, seperti mana yang berlaku kepada watak-watak antagonis dalam cerita yang menolak seruan kebaikan Nirnama. Mereka yang menolak kebenaran akan terus kekal dalam permusuhan, Sebaliknya, kesediaan hati Nadim untuk mendengar dan akhirnya menerima teguran Nirnama menunjukkan proses pencarian iman yang tulus, selari dengan maksud ayat ini. Menurut Fazrul Ismail et al. (2020) dalam buku *Nota My Qurantime* yang mengupas ayat ini berkata jika kita enggan menerima dan menolak untuk beriman, ini bermaksud kita juga menentang dakwah yang dibawa. Ini sesuai dengan watak Nadim yang cuba menerima dakwah Nirnama dari awal pertemuan mereka tanpa membantah, hanya soalan dibalas dengan soalan sesuai dengan sifatnya yang inginkan jawapan yang betul untuk dirinya mula beriman kepada Allah SWT.

Pembentukan Iman dan Ibadah bukan sahaja diperlukan kepada mad'u tetapi perlu juga diterapkan dalam diri pendakwah agar dakwah yang disampaikan itu berkesan tepat pada sasarannya. Sepertimana yang dikatakan oleh Abd Hadi (t.th) di dalam artikelnya bahawa unsur kekuatan dirujuk kekuatan keimanan dan ketaqwaan pendakwah. Alī Jarishah (1986) juga menyatakan metode dakwah yang menarik perlu dilakukan dengan contoh terbaik (al-qudwah) dan unsur kekuatan (al-quwwah) yang ada pada pendakwah. Bahkan unsur al-qudwah turut digambarkan sebagai bentuk al-quwwah bagi seseorang yang mempunyai hubungan yang kuat dengan Allah dan mempunyai hubungan baik dengan manusia (Alī Jarishah 1986). Oleh itu, dapat digambarkan bahawa kekuatan iman dapat dizahirkan melalui ibadah yang dilakukan oleh seseorang yang ikhlas menerima dakwah tanpa ragu-ragu.

Keseluruhannya membuktikan bahawa pembentukan iman melalui dakwah memerlukan pendekatan yang bijaksana dan berperingkat. Nirnama berjaya mengalihkan perhatian Nadim daripada rasa kagum yang bersifat duniawi kepada kesedaran tentang tanggungjawab rohani. Teguran lembut tetapi tegas itu bukan sahaja mendidik Nadim tentang kepentingan solat, malah menanam kefahaman bahawa beriman kepada Allah adalah keutamaan hidup. Inilah keberkesanan dakwah al-ḥikmah dalam membentuk iman, yang dapat mengekalkan kesedaran agama walaupun dalam situasi santai atau ketika mad'u masih belum memahami sepenuhnya nilai ibadah yang perlu dilakukan oleh seorang mukmin.

Dakwah Menangani Nafsu dan Permusuhan

Dakwah dalam menangani nafsu dan permusuhan merujuk kepada usaha mendidik manusia supaya mampu mengawal dorongan hawa nafsu yang negatif seperti amarah, tamak, hasad dengki dan dendam, yang sering menjadi punca kepada keretakan hubungan sesama manusia. Nafsu yang tidak terkawal boleh menjerumuskan seseorang kepada perbuatan zalim dan menimbulkan permusuhan yang berpanjangan. Oleh itu, pendekatan dakwah yang efektif perlu

memberi penekanan kepada pendidikan rohani, penyucian jiwa dan pembentukan akhlak agar seseorang mampu menundukkan nafsu, memaafkan kesalahan orang lain serta mengelakkan perpecahan dalam masyarakat (Nurul Ainie et al. 2022). Nafsu yang tidak terkawal sering kali menjadi punca keruntuhan diri dan hubungan sesama manusia.

Dalam konteks dakwah, menangani dua aspek ini memerlukan pendekatan yang bukan hanya tegas terhadap prinsip, tetapi juga bijaksana dalam penyampaian. Dalam novel *Nirnama*, pendekatan ini jelas digambarkan melalui interaksi *Nirnama* dengan watak Puteri Sejinjang dan Santubong yang hanyut dalam percintaan sehingga sanggup meruntuhkan hubungan persaudaraan serta mengabaikan tanggungjawab sebagai pemerintah. Kisah dua puteri yang sanggup mempertaruhkan kestabilan Kerajaan Serawa demi merebut cinta seorang putera iaitu Putera Serapi. Nafsu ingin memiliki dan rasa cemburu telah menguasai pertimbangan mereka, sehingga nilai kasih sayang sesama adik-beradik terhakis. Perebutan itu berkembang menjadi permusuhan terbuka yang mencetuskan perang saudara, meruntuhkan keharmonian rakyat dan memisahkan kerajaan kepada dua pihak. Inilah contoh yang jelas bagaimana nafsu yang tidak terkawal boleh memusnahkan hubungan kekeluargaan dan mencetuskan bencana sosial.

Petikan 2:

"Bagaimana pula dengan Putera Serapi yang mengakibatkan engkau cuba berbunuhan sesama saudaramu sendiri?"

Tiada kalam balas.

Betapa manusia apabila ditipu perasaan, boleh hilang kewarasan, Kerana itu Allah menurunkan Islam, mendidik manusia agar mengawal nafsu, dan berfikir dengan akal yang dikurniakan-Nya. Supaya kita hidup ada disiplin dan tamadun.

(Hilal Asyraf 2021:250-251)

Petikan ini bukan sekadar menggambarkan keberanian *Nirnama* menegur, tetapi juga memaparkan kebijaksanaan beliau dalam memilih bentuk teguran yang tepat untuk menyentuh hati pihak lawan. Soalan retorik yang dilontarkan berfungsi sebagai pukulan psikologi yang mengajak lawan berfikir semula tentang tindakannya. Diamnya pihak lawan menjadi simbol pengakuan tanpa kata, menunjukkan bahawa hujah *Nirnama* telah menembusi benteng ego dan emosi. Petikan ini juga memperlihatkan ketegasan *Nirnama* apabila menyentuh isu akar kepada krisis yang berlaku iaitu akibat perasaan dan nafsu yang tidak dikawal. Soalan retorik beliau tentang Putera Serapi yang memecahbelahkan hubungan persaudaraan dijawab dengan diam membisu oleh pihak lawan, menandakan keberkesanan pendekatan yang digunakan. *Nirnama* seterusnya mengaitkan keadaan tersebut dengan pengajaran Islam, bahawa manusia mudah hilang kewarasan apabila ditipu perasaan, dan sebab itulah Islam diturunkan sebagai sistem yang mendidik akal, nafsu dan tindakan.

Terjemahan Hadith:

Daripada Anas r.a., bahawa Nabi SAW bersabda: "Janganlah kamu saling membenci, jangan saling dengki, jangan saling membelakangi, dan jadilah kamu hamba-hamba Allah yang bersaudara. Tidak halal bagi seorang Muslim untuk memutuskan hubungan dengan saudaranya lebih daripada tiga hari."

(Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Petikan hadith ini dihuraikan oleh Sharifuddin Ahmad et al. (2024) dalam bukunya *Hadith-hadith Familiar: Satu Koleksi Untuk Bekalan Pelajar* bahawa hasad dengki biasanya mendorong kepada perbuatan buruk seperti mengumpat, mengadu domba, dan merosakkan hubungan baik

yang telah terbina. Nabi SAW mengajar agar setiap perselisihan diselesaikan dengan segera dan penuh hikmah, supaya permusuhan tidak berpanjangan lebih tiga hari dan hati tidak terus dikuasai kebencian. Nilai ini sangat penting untuk mengekalkan kesatuan masyarakat, kerana perpecahan hanya memberi ruang kepada kerosakan dan kelemahan umat. Ayat ini menjelaskan bahawa asas petunjuk sebenar terletak pada keimanan yang selari dengan ajaran para nabi dan kitab-kitab yang diturunkan oleh Allah SWT. Sekiranya manusia menerima iman yang sah sebagai mana yang dibawa oleh Rasulullah SAW dan para sahabat, maka mereka berada di atas jalan yang lurus dan selamat daripada kesesatan. Namun, jika mereka berpaling dan menolak kebenaran, ia akan membawa kepada perselisihan dan permusuhan yang berpanjangan, kerana penolakan terhadap kebenaran akan memisahkan hati dan memecah belah masyarakat.


Selain itu, perkara yang seringkali dititikberatkan supaya manusia itu tidak tunduk kepada nafsu adalah mengawal perasaan marah yang seringkali menyebabkan pertelingkahan. Menurut Mansur dan Siti Nordinar (1988), dalam artikel Nurul Ainie et al. (2022) menyatakan marah adalah emosi yang mengarah kepada tingkah laku agresif yang berpunca daripada situasi yang menyebabkan kemarahan. Sifat marah bukanlah suatu yang asing dalam kehidupan manusia namun sekiranya tidak dibendung dengan sebaiknya, sifat itu akan memberikan kesan negatif terhadap individu itu sendiri dan masyarakat di sekelilingnya (Safiruddin Al Baqi 2015). Sepertimana watak antagonis yang dibawa oleh Puteri Santubong dan Sejinjang dalam novel 'Nirnama' yang dikhabarkan bahawa pertelingkahan dan permusuhan mereka berlaku disebabkan perasaan marah antara satu sama lain yang disebabkan cinta seorang Putera Serapi yang memecahbelahkan hubungan adik-beradik tersebut. Di sini kita dapat lihat, perpecahan sering berpunca dari sifat marah yang membuak di dalam jiwa manusia dan selalu tunduk kepada nafsu akan memberi kesan kepada hubungan seseorang itu dengan masyarakat.

Oleh sebab itu, Nirnama tampil sebagai pendakwah yang menguasai situasi dengan hujah dan keberanian, tetapi masih menjaga adab serta tujuan dakwah secara strategik dan intelektual. Dalam petikan tersebut, hal ini ditampilkan secara jelas melalui interaksi antara Nirnama dan Puteri Santubong yang hanyut dengan cinta Putera Serapi sehingga sanggup berperang dengan darah dagingnya sendiri. Huraian Nirnama selepas itu menghubungkan konflik ini dengan konsep pengawalan nafsu dan akal dalam Islam, iaitu tunjang kepada pembinaan peradaban. Teguran ini dilakukan dengan susunan hujah yang logik dan terarah, selaras dengan pendekatan al-Mujādalah yang berteraskan dialog ilmiah dan pengislahan, bukan provokasi. Metode al-Mujādalah dalam Metode Pembujukan Dakwah oleh Nor Raudah Siren (2015) menekankan keperluan berdebat dan berdialog secara rasional dan berhemah, terutama ketika berhadapan dengan kelompok yang memiliki kuasa atau pandangan yang bertentangan. Pendekatan ini selari dengan prinsip al-Mujādalah oleh Sayyid Quṭb (1985) menjelaskan bahawa pelaksanaan mujādalah haruslah menepati cara yang terbaik dan sebaiknya (ahsan) tanpa menghina dan memburuk-burukan golongan sasaran, tetapi haruslah memberi keyakinan terhadap kebenaran.

Kesimpulannya, dakwah dalam menangani nafsu dan permusuhan menuntut pendekatan yang bukan sahaja tegas dalam mempertahankan prinsip, tetapi juga bijaksana dalam menegur dan membimbing. Kisah Nirnama bersama Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang membuktikan bahawa nafsu cinta yang tidak terkawal, seperti rasa cemburu dan hasad dengki, mampu meruntuhkan hubungan persaudaraan hingga mencetuskan perpecahan besar dalam masyarakat. Melalui teguran berhemah tetapi tegas, Nirnama berjaya menunjukkan prinsip al-Mujādalah, iaitu berdialog dengan hujah yang tersusun bagi memulihkan kesedaran pihak yang terlibat. Pendekatan ini selari dengan tujuan dakwah Islam untuk mendidik manusia mengawal nafsu, memupuk akal budi, dan mengelakkan kehancuran akibat pertelingkahan sesama sendiri yang boleh menenggelamkan diri dalam kesesatan.

HASIL DAPATAN KAJIAN

Kajian ini mendapati bahawa novel Nirnama memaparkan pendekatan dakwah yang berkesan dalam menangani polemik cerita rakyat melalui watak-watak yang berbeza peranan dan sifatnya. Watak protagonis seperti Nadim menonjolkan contoh teladan dari segi pembentukan iman dan ibadah, manakala watak antagonis iaitu dua puteri iaitu Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang digambarkan sebagai punca konflik akibat kegagalan mengawal nafsu cinta dan menimbulkan permusuhan. Perbezaan ini memberikan ruang untuk memperlihatkan kepelbagaian strategi dakwah yang diaplikasikan mengikut situasi dan sasaran. Di bawah merupakan ringkasan hasil dapatan daripada dakwah Nirnama terhadap Polemik Cerita Rakyat dalam novel 'Nirnama' karya Hilal Asyraf.



RAJAH 2 Ringkasan hasil dapatan dakwah Nirnama terhadap Polemik Cerita Rakyat

Sumber: Pengkaji (2025)

Ringkasan tersebut menjelaskan dua keadaan watak dan dua situasi yang berbeza dalam penerimaan dakwah tetapi membawa kesedaran melalui dakwah yang diberikan iaitu metode pembujukan dakwah. Dalam aspek pembentukan iman dan ibadah kepada Nadim, Nadim iaitu seorang yang membawa watak protagonis yang merupakan watak baik yang tampil dengan imejnya yang bersih (Shahnon Ahmad, 1979). Nirnama menunjukkan ciri seorang pendakwah yang menggunakan metode al-hikmah dengan memberikan penjelasan secara lembut tetapi tegas. Pendekatan ini sesuai dengan tuntutan dakwah yang mementingkan hikmah dalam mengajak manusia kembali kepada jalan kebenaran. Melalui peranan ini, pembaca dapat melihat bagaimana dakwah yang disampaikan secara santun mampu menyentuh hati dan membina kefahaman yang mendalam, tanpa menimbulkan rasa tersinggung pada pihak yang dinasihati.

Sementara itu, konflik yang melibatkan dua puteri yang membawa watak antagonis menonjolkan keperluan menangani nafsu dan permusuhan sebagai sebahagian daripada misi dakwah. Menurut Shahnon Ahmad (1979) watak antagonis merupakan watak jahat yang tampil dengan imejnya yang hitam. Dalam hal ini, Nirnama mengaplikasikan metode al-mujādalāh daripada metode pembujukan dakwah dengan berhujah secara terarah dan bernas. Hujah-hujah tersebut bukan sahaja mematahkan alasan pihak lawan, tetapi juga menembusi benteng ego

mereka, sehingga membawa kepada kesedaran terhadap kesalahan yang dilakukan. Pendekatan ini menunjukkan bahawa dakwah memerlukan keberanian, ketegasan dan ketajaman akal, terutamanya ketika berhadapan dengan pihak yang berkuasa atau berpengaruh. Pendekatan yang digunakan tidak bersifat provokatif, sebaliknya fokus kepada pembinaan akhlak dan penyucian hati.

Dapatan kajian juga menegaskan bahawa kejayaan dakwah dalam novel Nirnama terletak pada keseimbangan antara memberikan kesedaran dan menjaga adab dalam penyampaian. Nilai ini selari dengan prinsip Islam yang menuntut umatnya mengawal emosi dan nafsu, serta memelihara hubungan sesama manusia daripada unsur kebencian dan permusuhan. Secara keseluruhan, kajian ini membuktikan bahawa novel Nirnama bukan sekadar karya sastera yang mengangkat kisah rakyat, tetapi juga sebuah medium dakwah yang menggabungkan unsur hiburan dan pendidikan. Melalui penggunaan metode al-hikmah dan al-mujādalāh, pengarang berjaya menyampaikan mesej Islam secara berkesan, relevan dengan konteks masyarakat, dan mampu menjadi rujukan bagi pengkaji serta pendakwah masa hadapan dalam memahami strategi dakwah berasaskan naratif sastera.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini membincangkan peranan pendekatan dakwah dalam novel Nirnama dengan meneliti bagaimana watak utama mengaplikasikan metode al-ḥikmah, al-mau'izah al-ḥasanah, dan al-mujādalāh sebagaimana digariskan dalam Metode Pembujukan Dakwah oleh Nor Raudah Siren (2015) selari dengan Surah al-Nahl ayat 125. Analisis mendapati bahawa Nirnama sebagai tokoh pendakwah tampil bukan sahaja melalui kekuatan fizikal, tetapi juga melalui hujah, kebijaksanaan, dan keteladanan akhlak. Hal ini membuktikan bahawa dakwah yang berkesan tidak terbatas kepada penyampaian secara literal, sebaliknya harus disesuaikan dengan konteks, situasi, dan keperluan mad'u.

Selain itu, dapatan kajian turut menunjukkan bahawa dakwah dalam Nirnama menekankan pembentukan iman dan ibadah, serta penentangan terhadap nafsu dan permusuhan. Keberkesanan pendekatan dakwah yang dibawa oleh Nirnama dapat dilihat melalui perubahan sikap watak-watak yang berinteraksi dengannya, sama ada melalui kesedaran, keinsafan mahupun keberanian untuk menentang kebatilan. Justeru, novel ini bukan sahaja menampilkan sebuah karya kreatif, tetapi turut menjadi medium dakwah yang sarat dengan mesej moral dan nilai-nilai Islam. Secara tuntas, analisis ini menegaskan bahawa pendekatan dakwah yang disampaikan melalui medium sastera mampu memberi impak yang signifikan terhadap pembaca.

Novel Nirnama membuktikan bahawa kesusasteraan bukan sahaja alat hiburan, tetapi juga wadah yang berkesan dalam menyemai nilai Islam, menyampaikan mesej kebenaran, dan mendidik masyarakat tentang hakikat perjuangan. Kajian ini mempunyai beberapa ruang lagi yang boleh diterokai untuk memperluas dapatan iaitu dengan menganalisis perbandingan antara novel Nirnama dengan novel atau karya sastera Islam yang lain, sama ada dari penulis tempatan mahupun antarabangsa, bagi melihat persamaan dan perbezaan pendekatan dakwah yang digunakan dalam penceritaan. Oleh itu, karya ini wajar dilihat sebagai rujukan seni dan dakwah yang dapat memberi sumbangan penting kepada pembangunan pemikiran serta penghayatan Islam dalam masyarakat.

PENGHARGAAN

Kami mengucapkan terima kasih kepada Dana Insentif Penerbitan Fakulti Pengajian Islam atas Perbelanjaan Penerbitan Penyelidikan ini.

RUJUKAN

- Abd Hadi Borham, Mohamad Marzuqi Abdul Rahim, Wahyu Hidayat Abdullah. t.th. *Faktor-Faktor Tarikan Dalam Metod Dakwah: Satu Sorotan Literatur. Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.*
- Abdullah Basmeih. (2010). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian Al-Quran*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Alfiyah, Linggua Sanjaya Usop, Misnawati, Alifiah Nurachmana & Paul Diman. (2023). *Nilai-Nilai Religius Dalam Novel Buya Hamka Karya Ahmad Fuadi. Jurnal Pendidikan, Bahasa, Sastra, Seni, Budaya dan Sosial Humaniora.*
- Dersa Yuditia. (2020). Skripsi: *Estetika Islam Dalam Novel Kembara Rindu Karya Habiburrahman El Shirazy.*
- Erlina Widya Rahma, Ulia Ni'matul Muyassaroh & Ana Siti Faridatul Bahiyyah. (2022). *Analisis Nilai Moral Pada Tokoh Utama Wanita Dalam Novel Cahaya Cinta Pesantren Karya Ira Madan. Jurnal Inovasi Pendidikan. Vol 1(3): 152-157.*
- Fatmawati. (2022). *Representasi Nilai Pendidikan Akhlak Tasawuf Dalam Novel Kembara Rindu Karya Habiburrahman El Shirazy. Jurnal Penelitian Pendidikan Agama dan Keagamaan, 20(1), 2022, 15-25.*
- Fazrul Ismail, Tarmizi Abdul Rahman & Tirmizi Ali. (2020). *Nota My Qurantime Juzuk 1.*
- Firuz-akhtar Lubis & Nurul Farahana Azman. (2021). *Aspek akhlak berdasarkan konsep pembangunan insan dalam travelog Pelukis Jalanan dan Arkitek Jalanan karya Teme Abdullah. Malay Literature, 34(2), 281–314. [http://doi.org.10.37052/ml34\(2\)no7](http://doi.org.10.37052/ml34(2)no7).*
- Haziq Absyir. (2014). *Biodata Hilal Asyraf. <https://www.scribd.com/doc/236048018/Hilal-Asyraf>*
- Hilal Asyraf. (2020). *Nirnama. Hilal Asyraf Resources.*
- Kamariah Kamarudin. (2016). *Tazkiyah Al-Nafs Dalam Novel Pasir Lintang.*
- Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan & Mohd Sharifudin Yusop. (2015). *Cerita Rakyat Melayu: Suatu Analisis Pancaran Jati Diri Masyarakat Melayu sebagai Cerminan Kebudayaan Melayu.*
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Mohd Muhaimi Abdul Rahman & Muammar Ghaddafi Hanafiah. (2024). *Metode Dakwah Syekh Hamzah Fansuri Dalam Manuskrip Syair Dagang Adanya (MSS 3160). Jurnal Melayu Vol. 23 (1).*
- Muhammad Nur Al-Hakim & Mohd Firdaus. (2020). *Cerminan Nilai-Nilai Islam Dalam Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia: Satu Pendekatan Takmilah. Journal of Business and Social Development. Vol 9 (1), March 2021: 51-62.*
- Muhammad Nur Al-Hakim, Mohd Firdaus, Siti Fatimah & Siti Aishah. (2021). *Polemik Dalam Cerita Rakyat Sebagai Medium Pendidikan Moral Kepada Kanak-Kanak. Jurnal Melayu Bil.20 (2) 2021.*
- Nadia Ishak and Kamariah Kamarudin. (2019). *Aspek dakwah dalam novel Suriati berdasarkan pendekatan dahwah teori Pengkaedah Melayu. Malay Literature 32(1), 116-144.*
- Nor Dalilah Zakaria & Raihanah Azahari. (2022). *Menghayati Nilai Iman, Islam dan Ihsan dalam Mendepani Cabaran Kontemporari.*
- Nor Raudah Siren.(2015). *Retorik Penulisan Dakwah. Penerbit Universiti Malaya.*
- Nurul Ainie Nawawi,Siti Jamiaah Abdul Jalil, Fariza Md Sham.(2022). *Pengamalan Agama Berdasarkan Konsep Al-Falah terhadap Remaja. Jurnal Pengajian Islam. Vol.15(1):11-28.*

- Nurul Farhana & Firuz Akhtar. (2021). *Peranan Akidah Dan Penghayatan Ibadah Dalam Catatan Kembara 'pelukis Jalanan' Dan 'arkitek Jalanan' Karya Teme Abdullah Berdasarkan Konsep Pembangunan Insan*. Jurnal Antarabangsa Kajian Asia Barat, 13 pp. 240-258.
- Osman Ayob, Roslan Chin, Tuan Rosmawati Raja Hassan. (2020). *Analisis Dakwah Dalam Cerpen-Cerpen Terpilih Rejab F.I. Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, Vol.8, (2): Budiman Writers Association of Malaysia (BUDIMAN).
- Rosli Abd Manas, A.Halim Ali, Ghazali Din. (2021). *Elemen thriller Islam Dalam Novel 'Bidadari Bermata Bening' Karya Habirurrahman El-Shirazy*, Rumpun Jurnal Persuratan Melayu, 9(1), 1-19.
- Sayyid Qutb. (1985). *Tafsir Fi Zilal al-Qur'ān*. Terj. Yusoff Zaky Yacob. Kota Bahru, Kelantan: Pustaka Aman Press.
- Shahnon Ahmad. (1979). *Gubahan Novel*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Sharifuddin Ahmad, Mohd Fariz & Mohd Khairulazman. (2024). *Hadith-hadith Familiar: Satu Koleksi Untuk Bekalan Pelajar*. Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin.
- Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2023). *Akal Budi Dalam Cerita Rakyat Interpretasi Sosiobudaya Kanak-Kanak Dan Remaja*. *History Journal of Merong Mahawangsa*: Vol. 1. (July) 2023: 95-107.
- Zulkefli Aini & S. Salahudin Suyurno. (2014). *Hubungan Antara Pendakwah Dengan Mad'U Dalam Komunikasi Insan*. *Conference: Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Batu Pahat.